

CERAMAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH DI KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID, ALOR SETAR.

28 September 2022 - Alor Setar, Kedah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah mengadakan ceramah di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar bersempena Kempen Kitar Semula anjuran Kolej tersebut.

Ceramah dihadiri seramai 250 orang pelajar bermula pada jam 9.00 pagi dan tamat pada jam 10.00 pagi bertajuk Kepentingan Amalan Kitar Semula. Pelajar-pelajar telah diberi pendedahan berkenaan kesan kerosakan kepada alam sekitar dan manusia akibat tiada amalan kitar semula bersesuaian dengan kempen yang dijalankan oleh pihak kolej.

Ceramah ini mendapat sambutan yang amat baik apabila pelajar-pelajar menunjukkan minat semasa sesi ceramah diadakan dan turut mengambil bahagian dalam sesi soal-jawab. Diharapkan kesedaran penjagaan alam sekitar yang diterapkan kepada para pelajar ini dapat diamalkan dalam masyarakat dan seterusnya bersama-sama menjayakan aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#jasnegerikedah

#AlamSekitarTanggungjawabBersama